



Resilien Akademik dalam kalangan Murid B40

Zulliana Hasan¹, Nor Shafrin Ahmad¹ & Shahabuddin Hashim¹

¹Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia

Article Info

Received:
02 September 2020

Accepted:
19 February 2021

Publish
01 April 2021

E-mail address:

*corresponding Author:
zullianahasan@gmail.com

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Resilien akademik penting dalam membantu individu untuk bangkit setelah melalui kegagalan dalam bidang akademik di setting sekolah. Pencapaian akademik merupakan salah satu kaedah bagi murid untuk membantu keluarga keluar daripada kepompong kemiskinan. Keadaan ini mampu dicapai dengan kekuatan untuk berhadapan dengan ancaman dan cabaran yang berlaku. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap resilien akademik murid daripada keluarga B40 dan mengkaji perbezaan resilien mengikut jantina. Seramai 272 orang responden terlibat adalah dalam kalangan murid yang berusia 16 tahun dan berada di tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan di negeri Perak. Dapatan kajian diperoleh menggunakan soal selidik Skala Resilien. Data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dan inferential menggunakan ujian-t bagi mengkaji perbezaan resilien mengikut jantina. Dapatan menunjukkan tahap resilien murid B40 berada di tahap sangat rendah, rendah dan sederhana rendah. Manakala dapatan daripada ujian-t pula menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan resilien antara murid lelaki dan perempuan. Oleh yang demikian hasil kajian ini dapat memberi implikasi positif dalam membantu Guru Bimbingan dan Kaunseling merancang dan melaksanakan program dan intervensi yang bersesuaian untuk membantu meningkatkan resilien akademik murid daripada keluarga B40 tanpa membezakan jenis rawatan antara lelaki dan perempuan.

Kata kunci: Resilien Akademik, Murid B40, Sekolah Menengah Kebangsaan

Pengenalan

Murid sekolah yang berada di usia 16 tahun melalui satu fasa peralihan daripada zaman kanak-kanak ke dewasa dan pada usia ini mereka berada dalam fasa zaman remaja. Ketika ini pelbagai perubahan akan berlaku sama ada daripada aspek fizikal, mental dan juga sosial. Resilien yang ada bertindak sebagai benteng melindungi remaja daripada terdedah dengan perlakuan yang tidak wajar. Pandangan terhadap kesukaran yang berlaku akan bersifat sementara dengan adanya resilien dalam diri (Salami, 2010). Noran Fauziah et.al (2008) dalam (Siti Hajar et al., 2016)

mengatakan murid yang tidak mempunyai resilien cenderung untuk berfikir dan bertingkah laku dengan cara yang salah dalam kehidupan.

Kadar keciciran yang tinggi dalam persekolahan telah dikenal pasti sebagai salah satu punca yang menyebabkan pencapaian akademik yang rendah dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah (Chamcuri Siwar, 2015). Dapatan kajian Chamcuri Siwar mendapati faktor penyumbang kepada keciciran ini antaranya ialah kurang mendapat sokongan ibu bapa, tiada minat dan hala tuju yang jelas tentang kepentingan pendidikan, keadaan rumah yang tidak kondusif serta kurangnya minat dalam diri murid sendiri. Hal ini bertepatan dengan dapatan Gennetian, Rodrigues, Hill, dan Morris (2018) yang menyatakan kadar ketidakhadiran ke sekolah dalam kalangan murid yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah adalah tinggi. Perkara ini turut memberi kesan kepada pencapaian akademik yang rendah akibat daripada masalah kewangan keluarga. Rentetan daripada itu, laporan yang dikeluarkan oleh *Malaysia Millenium Development Goals* (MDGs) turut menunjukkan sebanyak lebih 90% murid Sekolah Menengah Rendah dan 75% murid Sekolah Menengah Atas yang tidak bersekolah terdiri dalam kalangan keluarga B40 (UNDP, 2016).

Sorotan Kajian

Berdasarkan statistik, sebilangan besar penduduk negara berada dalam kategori pendapatan B40 iaitu dengan jumlah pendapatan kurang RM 3000 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017a). Oleh yang demikian murid daripada keluarga B40 merupakan sebahagian besar bilangan murid yang berada dalam sistem pendidikan di negara ini. Menurut sorotan kajian lalu, murid dalam kalangan berpendapatan rendah dan miskin selalunya menghadapi kesukaran untuk mencapai tahap akademik tinggi dan mengakibatkan mereka yang kurang berpendidikan sukar untuk melepaskan diri daripada belunggu kemiskinan. Oleh yang demikian, individu yang mempunyai pendapatan rendah dikatakan berkecenderungan untuk melibatkan diri dalam pekerjaan dan kurang berminat dalam mencapai kemahiran akademik secara relatifnya (Siti Masayu Rosliah Abdul & Samat, 2018). Faktor utama yang mempengaruhi tahap pendidikan rendah adalah disebabkan faktor kewangan yang berkaitan dengan pendapatan rendah yang diperoleh ketua keluarga. Selain itu faktor latar belakang pendidikan yang rendah dalam kalangan ketua keluarga turut memberi kesan kepada pencapaian akademik dalam kalangan anak-anak (Bachok et al., 2018). Sebagaimana kajian oleh Abelev, (2009) individu yang berada dalam lingkaran kemiskinan mampu untuk maju sama ada dalam kehidupan atau kerjaya dan masa depan bermula dengan pelajaran yang baik. Kemajuan dalam pendidikan menjadi tiket untuk mereka keluar daripada belunggu kesusahan. Kenyataan ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Shong, Abu Bakar dan Islam (2018) yang menyatakan, kemewahan yang diinginkan oleh murid berada di bangku sekolah membawa mereka melakukan tingkah laku jenayah untuk mendapatkan perkara yang dikehendaki. Perkara ini telah membuatkan mereka keciciran daripada sistem persekolahan dan terjebak dalam gejala sosial yang lain (Narayanan, 2015). Sehubungan dengan itu, resilien dilihat sebagai elemen yang perlu dibentuk dalam diri murid sekolah khususnya untuk mereka berdepan dengan cabaran akademik meskipun berada dalam kalangan keluarga berpendapatan B40 dan miskin.

Sebagaimana yang dibincangkan di dalam Model Richardson, setiap individu bermula dengan keseimbangan biologi, psikologi dan kerohanian dan mula bertindak balas terhadap sebarang ancaman dan tekanan yang berlaku dalam kehidupan, sehingga menghasilkan penyesuaian sama ada negatif mahupun positif (Richardson, 2002). Oleh yang demikian Murid B40 berhadapan dengan ancaman dan tekanan yang memerlukan resilien ataupun ketahanan diri sewaktu berhadapan dengan masalah kurang mendapat sokongan ibu bapa, tiada minat dan hala tuju yang jelas tentang kepentingan pendidikan, keadaan rumah yang tidak kondusif serta kurangnya minat

dalam diri sendiri (Chamecuri Siwar, 2015) yang menjejaskan pencapaian akademik mereka (Siti Masayu, 2008). Sehubungan dengan itu, resilien membantu murid untuk kembali kepada keseimbangan sewaktu berhadapan dengan ancaman serta tekanan dengan melakukan penyesuaian positif.

Kebelakangan ini, penyelidikan mengenai resilien telah berkembang dengan pesatnya (Kumpfer, 2002). Beberapa penyelidik telah melihat konsep resilien dijadikan satu domain khusus dalam penyelidikan semasa (Novotny, 2011; Jowkar et al., 2014). Penyelidikan berkaitan resilien bermula daripada bidang kajian psikologi kanak-kanak bermula sejak pertengahan dekad tahun 1970-an, melibatkan kehidupan kanak-kanak yang melalui pengalaman dan pembangunan kehidupan yang teruk. Perkembangan kajian berkaitan resilien terus berkembang dan salah satu daripada konsep ini adalah resilien akademik yang ditakrifkan sebagai tindak balas terhadap kesukaran dan kelemahan serta masalah peribadi yang terjadi disebabkan persekitaran dan suasana kehidupan membolehkan mereka mendapat kejayaan dalam pendidikan tinggi (Wang et al., 1994). Resilien akademik dilihat melalui keupayaan untuk berhadapan dengan tekanan dan ancaman daripada dalam diri individu meskipun situasi itu boleh mengakibatkan murid mengalah dan tercicir daripada persekolahan (Perez-Brena et al., 2018). Faktor-faktor risiko atau kesukaran bagi murid B40 ialah situasi seperti kemiskinan dan konflik kehidupan yang menyebabkan tekanan dalam kehidupan sebagai murid sekolah (Abukari, 2018).

Isu kemiskinan adalah isu global. Ia bukan sahaja dihadapi oleh negara-negara miskin dan negara membangun tetapi juga negara maju seperti Amerika Syarikat (AS). Bagi kebanyakan negara miskin dan sedang membangun yang pernah dijajah suatu masa dahulu, kemiskinan adalah isu utama yang memerlukan program pembasmian kemiskinan yang berkesan (Mohd Ayob, 2013). Kemiskinan dan pendidikan berinteraksi dan berkait rapat untuk meningkatkan keupayaan bersaing di peringkat global dan pembaikan kualiti hidup (Chamhuri Siwar, 2009). Malaysia membahagikan pendapatan kepada tiga tahap. Kumpulan B40 merupakan kumpulan penerima pendapatan yang terdiri daripada 40 peratus terendah di Malaysia yang terdiri di dalamnya keluarga berpendapatan rendah, miskin dan miskin tegar. B40 dalam kajian ini juga dimaksudkan dengan keluarga yang mempunyai pendapatan rendah dan merupakan sebahagian besar daripada kalangan penduduk Malaysia di seluruh negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017a). Pendapatan pada tahun 2015 menunjukkan terdapat 2.7 juta kumpulan B40 dengan 63 peratus tinggal di bandar dan 37 peratus tinggal di luar bandar. Pendapatan kumpulan ini dilaporkan sebanyak RM2537 pada tahun 2014 iaitu jauh lebih rendah daripada pendapatan bulanan purata isi rumah Malaysia iaitu sebanyak RM6141, dan lima (5) kali ganda kurang daripada purata pendapatan T20 (RM14305) dan dua (2) kali ganda kurang daripada pendapatan purata M40 (RM5662) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017b). Sehubungan dengan itu, dalam penulisan ini konsep kemiskinan dan keluarga B40 digunakan secara bersilih ganti.

Beberapa kajian lepas membuktikan bahawa faktor pendidikan merupakan salah satu faktor yang tidak boleh disisihkan dalam usaha mengurangkan kemiskinan (Rogers, 1992). Oleh yang demikian pencapaian akademik merupakan kunci kepada perkembangan dalam kehidupan kebanyakan masyarakat di seluruh negara (Masten, 2014). Pencapaian akademik yang baik akan membuka peluang pendidikan tinggi dan membolehkan mendapat peluang kerjaya yang baik. Pelbagai faktor tersenarai setelah dilakukan penerokaan terhadap resilien akademik murid dalam kalangan ekonomi berpendapatan rendah. Penyumbang psikologi utama bermula daripada sekolah yang boleh menghubungkan kejayaan untuk masa depan yang baik menerusi pekerjaan yang stabil dan pendapatan yang baik (Rosenbaum, 2001).

Bernard (2004) melaporkan kebanyakan kanak-kanak membina kebolehan untuk berhadapan dengan situasi krisis dan juga keadaan yang tidak baik. Dengan melakukan demikian, mereka bukan hanya boleh terus berhadapan dengan situasi yang sukar, tetapi mereka juga dapat mengekalkan perkembangan yang baik dalam akademik serta dalam dunia sosial lain. Kebolehan untuk bertahan dalam kehidupan serta menunjukkan kebolehan berhadapan dengan tekanan ini dinamakan resilien. Masten and Reed (2002) menyifatkan pencapaian akademik seperti keputusan, markah dan ujian, berada dalam kawasan sekolah sebagai murid serta menamatkan pengajian di peringkat sekolah menengah merupakan satu indikator murid ini mempunyai kompetensi dalam akademik dan menunjukkan mereka mempunyai resilien akademik yang baik. Secara umumnya, tidak dinafikan faktor kekurangan sumber kewangan merupakan alasan yang kuat membawa golongan ini untuk terlibat dalam tingkah laku salah untuk meneruskan kehidupan. Masalah ekonomi yang buruk akan memberikan kesan kepada rohani, emosi dan kehendak material mereka sehingga menyebabkan lebih banyak tingkah laku antisosial dalam kalangan mereka (Shong et al., 2018). Murid turut melarikan diri daripada rumah kerana tidak selesa dan mula berhubung dengan rakan-rakan yang lain sehingga menjebakkan diri ke dalam masalah sosial.

Bagi mengetahui tahap resilien dalam kalangan murid, Siti Hajar Mohamad Yusoff (2016) telah menjalankan kajian berkaitan resilien dengan menggunakan sampel kajian seramai 376 orang pelajar yang sedang mengikuti Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di Sekolah Menengah Kebangsaan. Dapatan kajian menunjukkan pelajar perempuan menunjukkan tahap resilien yang tinggi manakala pelajar lelaki menunjukkan tahap resilien lebih rendah dan mudah untuk terlibat dengan pelbagai masalah disiplin di sekolah. Kuldas, Hashim, Ismail, dan Samsudin (2015) turut menjalankan penyelidikan bagi mengenal pasti faktor resilien sama ada daripada dalaman mahupun luaran dalam kalangan murid di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan latar belakang murid yang tidak berkemampuan telah membawa mereka kepada kegagalan atau pun memperoleh keputusan yang kurang baik dalam akademik. Sebagaimana kajian yang telah dilakukan, masih belum terdapat kajian untuk melihat tahap resilien murid daripada keluarga B40 di Sekolah Menengah Kebangsaan. Berdasarkan sorotan kajian yang lalu, pengkaji memahami resilien merupakan faktor utama untuk melahirkan murid B40 yang dapat berhadapan dengan tekanan serta dapat berfungsi dengan positif dalam kehidupan serta mencapai kejayaan dalam akademik.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui pasti demografi Murid B40.
2. Mengetahui pasti tahap resilien murid B40.
3. Mengetahui pasti tahap resilien murid B40 berdasarkan pendapatan ibu bapa.
4. Mengetahui pasti perbezaan resilien murid B40 antara lelaki dan perempuan.

Hipotesis

- a) HO1 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan resilien murid B40 antara lelaki dan perempuan.

Metodologi

a) Reka Bentuk Penyelidikan dan analisis statistik

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan. Kaedah ini dipilih sesuai untuk mengenal pasti tahap resilien murid B40 dan juga mengkaji perbezaan resilien mengikut jantina. Menurut Creswell (2005), keupayaan untuk mengumpul data dan dianalisis dalam satu masa menjadikan kajian berbentuk tinjauan menjadi satu kaedah yang digemari dalam kajian penyelidikan pendidikan. Selain itu, kaedah ini turut bertepatan dalam menerangkan tahap sesuatu perkara yang dikaji serta bagi mencari perbezaan antara dua perkara yang dikaji. Data yang diperolehi daripada instrumen penyelidikan telah dianalisis dengan menggunakan IBM SPSS 25. Analisis deskriptif iaitu peratusan maklumbalas (*percentages of responses*) untuk menggambarkan ciri-ciri asas data dalam suatu kajian dan juga dapatan statistik inferensi ujian-t digunakan untuk mengkaji perbezaan variabel.

b) Pemilihan Sampel

Kajian ini mendapatkan responden dengan menggunakan kaedah persampelan secara rawak. Mengikut jadual persampelan Krejcie dan Mogan (1970) sebanyak 365 borang soal selidik telah diedarkan kepada 365 responden yang berusia 16 tahun. Responden dipilih secara rawak daripada empat buah sekolah yang terletak di pinggir bandar. Rasional pemilihan empat buah sekolah yang berada di pinggir bandar kerana sekolah-sekolah ini mempunyai bilangan murid yang terdiri daripada keluarga B40 yang lebih besar. Data dikumpul dengan mendapatkan bantuan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di empat buah sekolah yang terlibat untuk memastikan pulangan yang baik dalam soal selidik. Sebelum mengendalikan soal selidik, satu taklimat diberikan kepada GBK dengan memberikan tatacara arahan ringkas kepada responden mengenai objektif dan matlamat kajian. Masa yang diperlukan untuk menjawab soal selidik adalah antara 10 hingga 15 minit.

Setelah persampelan secara rawak dilakukan, pengkaji melakukan pemilihan responden dengan kaedah persampelan secara bertujuan bagi mendapatkan bilangan murid dalam kalangan B40 dengan mengasingkan soal selidik mengikut kehendak kajian iaitu murid yang berasal daripada keluarga B40 sahaja. Seramai 272 orang murid B40 telah dikenal pasti berdasarkan kepada soal selidik yang diedarkan. Responden terdiri daripada 139 orang lelaki (51.8%) dan 133 orang perempuan (48.2%) telah dikenal pasti.

c) Instrumen

Alat ukur digunakan ialah *The Resilience Scale* (TSR) yang dibina oleh Wagnild & Young (1993) untuk mengenal pasti Resilien Akademik murid B40. Alat ukur ini telah diadaptasi daripada kajian Marini (2017). Marini (2017) telah membuat alih bahasa kepada Bahasa Malaysia daripada instrumen asal Bahasa Inggeris dan pengkaji mengadaptasi serta mengubahsuai mengikut keperluan kajian. Kajian lain yang dijalankan oleh Tohtayong (2018) turut menggunakan alat ukur *The Resilience Scale* (TRS) dan beliau telah melakukan adaptasi dan ubahsuai yang dikenali sebagai Resilien Akademik. Nilai kebolehpercayaan alat ukur ini adalah 0.747 iaitu berada pada nilai memuaskan dengan melebihi 0.5. Likert tujuh skala digunakan dengan skala dibahagikan kepada enam tahap resilien iaitu sangat-sangat rendah (25-100), sangat rendah (101-115), rendah (116-130), sederhana (131-144), tinggi (145-160) dan sangat tinggi (161-175).

Dapatan kajian

Maklumat demografi responden

a) Jantina

Jadual 1 menunjukkan pecahan jantina responden yang terbabit dengan kajian ini. Mereka terdiri daripada 139 (51.1%) orang murid lelaki dan 133 (48.9%) orang murid perempuan tingkatan 4 yang telah dipilih secara persampelan bertujuan menerusi edaran soal selidik secara rawak pada peringkat awalnya.

Jadual 1: *Jantina*

	Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Lelaki	139	51.1	51.1
Perempuan	133	48.9	100.0
Jumlah	272	100.0	

b) Bangsa

Jadual 2 menunjukkan bilangan responden yang terlibat dengan kajian mengikut bangsa. Seramai 232 orang responden atau 85.3% adalah daripada kaum Melayu, 23 orang responden mewakili 8.5% daripada kaum Cina, 14 orang responden mewakili 5.1% responden daripada kaum India dan 1.1% mewakili responden daripada lain-lain kaum iaitu seramai 3 orang.

Jadual 2: *Bangsa*

	Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Melayu	232	85.3	85.3
Cina	23	8.5	93.8
India	14	5.1	98.9
Lain-lain	3	1.1	100.0
Jumlah	272	100.0	

c) Tahap Pendidikan Ibu Bapa

Jadual 3 menunjukkan pecahan tahap pendidikan ibu bapa responden. Daripada soal selidik ini didapati bahawa majoriti ibu bapa responden iaitu 173 responden (62.2%) mempunyai tahap pendidikan pada peringkat SPM, diikuti 40 responden (14.7%) ibu bapa mempunyai tahap pendidikan di tahap Diploma dan diikuti dengan 31 responden (11.4%) yang mempunyai ibu bapa berpendidikan di tahap PMR/SRP. Selain daripada itu, 12 responden (4.4%) ibu bapa berpendidikan tahap UPSR, 8 responden (2.9%) ibu bapa berpendidikan tahap Sarjana Muda dan 6 responden (2.9%) ibu bapa berpendidikan tahap Sijil.

Jadual 3: Tahap Pendidikan Ibu/Bapa

	Kekerapan	Peratus	Peratus kumulatif
UPSR	12	4.4	4.4
PMR/SRP	31	11.4	15.8
Sijil	6	2.9	18.8
SPM	173	63.6	82.4
Diploma	40	14.7	97.1
Sarjana Muda	8	2.9	100.0
Jumlah	272	100.0	

d) Pendapatan Ibu Bapa

Jadual 4 menunjukkan keseluruhan pendapatan isi rumah berada di bawah RM3000.00. Malahan dapatan turut menunjukkan pendapatan isi rumah sebanyak 0-900 mewakili 26 responden (9.6%), 901-1500 dengan jumlah 87 responden (32.0%), pendapatan isi rumah 1501-2000 berjumlah 55 responden (20.2%), 2001-2500 50 responden (18.4%), 2501-3000 pendapatan berjumlah 54 responden (19.9%).

Jadual 4: Pendapatan Ibu/Bapa

	Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
0-900	26	9.6	9.6
901-1500	87	32.0	41.5
1501-2000	55	20.2	61.8
2001-2500	50	18.4	80.1
2501-3000	54	19.9	100.0
Jumlah	272	100.0	

e) Rumah kediaman

Jadual 5 menunjukkan peratus jenis rumah kediaman bagi responden yang terlibat. Seramai 75 orang responden atau 27.6% adalah mereka yang tinggal di rumah sendiri, manakala 193 orang responden mewakili 71.0% tinggal di kediaman rumah sewa dan selebihnya iaitu sebanyak 4 orang mewakili 1.5% responden tinggal di lain-lain jenis rumah kediaman.

Jadual 5: Rumah Kediaman

	Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Rumah sendiri	75	27.6	27.6
Rumah sewa	193	71.0	98.5
Lain-lain	4	1.5	100.0
Jumlah	272	100.0	

Tahap Resilien Murid B40

Berdasarkan hasil dapatan deskriptif analisis kekerapan dalam jadual 6 menunjukkan tahap keseluruhan resilien akademik dalam kalangan responden murid B40. Seramai 47 orang responden berada pada tahap resilien akademik yang sangat-sangat rendah (17.3%). Tahap kedua iaitu sangat rendah mewakili sebanyak 33.1 % responden dengan jumlah 90 orang. Seterusnya bagi tahap rendah seramai 87 orang responden telah berada dalam kategori ini dengan 32.0%. Manakala di tahap sederhana seramai 35 orang responden (12.9%) manakala tahap tinggi dan sangat tinggi masing-masing menunjukkan 11 orang responden berada di tahap tinggi dengan 4.0 % dan tahap sangat tinggi sebanyak dua orang responden dengan peratusan .7%. Secara keseluruhannya, didapati semua responden menunjukkan tahap resilien akademik murid B40 berada di tahap sangat rendah (33.1%) dan rendah (32.0%).

Jadual 6. *Tahap Resilien*

	Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Sangat sangat rendah	47	17.3	17.3
Sangat rendah	90	33.1	50.4
Rendah	87	32.0	82.4
Sederhana	35	12.9	95.2
Tinggi	11	4.0	99.3
Sangat tinggi	2	.7	100.0
Jumlah	272	100.0	

Dapatan yang diperoleh menunjukkan tahap resilien murid B40 berada dalam keadaan rendah dan sangat rendah selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Kuldass, Hashim, Ismail, dan Samsudin (2015). Dapatan kajian mereka menunjukkan keadaan sosio ekonomi keluarga yang rendah dan latar belakang murid merupakan salah satu faktor penyebab kepada kegagalan atau pun memperoleh keputusan yang kurang baik dalam akademik.

Tahap resilien murid B40 dan Pendapatan Isi rumah.

Resilien yang berada dalam kategori markah sangat rendah melibatkan seramai 90 orang dan murid tahap rendah seramai 87 orang. Didapati majoriti murid daripada keluarga B40 dengan pendapatan kurang RM3000 menunjukkan tahap resilien yang rendah. Secara keseluruhannya, tahap resilien akademik murid B40 berada dalam tahap rendah, sangat rendah dan sangat-sangat rendah.

Jadual 7: *Pendapatan Isi Rumah Ibu Bapa dan Tahap Resilien*

	Tahap Resiliensi						Jumlah
	Sangat sangat rendah	Sangat rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi	Sangat tinggi	
Pendapatan Ibu Bapa 0-900	3	11	7	2	3	0	26
901-1500	18	30	20	12	7	0	87
1501-2000	13	14	20	7	0	1	55
2001-2500	4	22	17	6	0	1	50
2501-3000	9	13	23	8	1	0	54
Jumlah	47	90	87	35	11	2	272

Dapatan ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Siti Masayu Rosliah Abdul, (2018) yang menyatakan faktor mempengaruhi tahap pendidikan rendah adalah disebabkan faktor kewangan yang berkaitan dengan pendapatan rendah yang diperolehi ketua keluarga. Selain itu faktor latar belakang pendidikan yang rendah dalam kalangan ketua keluarga turut memberi kesan kepada pencapaian pendidikan dalam kalangan anak-anak mereka. Semakin rendah pendapatan keluarga semakin rendah tahap resilien anak mereka.

Resilien murid B40 mengikut jantina

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 8 mengikut kumpulan jantina, jumlah responden kajian yang telah menjawab soal selidik Skala Resilien ialah sebanyak 139 orang mewakili murid lelaki dan 133 mewakili murid perempuan. Dapatan ujian-t sampel bebas ini bertujuan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian iaitu mengenal pasti perbezaan resilien murid B40 mengikut jantina antara lelaki dan perempuan.

Jadual 8: *Resilien Murid B40 Mengikut Jantina*

Jantina	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Tahap Resilien Murid Lelaki	139	2.4892	1.12525	-1.021	.223
Murid Perempuan	133	2.6241	1.04882		

Berdasarkan Jadual 8 didapati nilai-t bagi perbezaan resilien dalam kalangan murid B40 berdasarkan jantina ialah $t = -1.021$ dan tahap signifikan $p = .223$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada $0.05 (p > 0.05)$. Oleh yang demikian hipotesis Nul adalah diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan resilien dalam kalangan murid B40 berdasarkan jantina. Skor min tahap resilien murid perempuan ($\text{min} = 2.4892$) adalah lebih kecil berbanding murid lelaki ($\text{min} = 2.6241$).

Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Nor Shafrin Ahmad, Aziah Ismail, Siti Nur Nadhirah (2020) yang telah menjalankan kajian di dua buah sekolah di Pulau Pinang melibatkan 231 orang murid. Dapatan mereka menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap resilien murid lelaki dan perempuan. Selain itu, kajian yang turut dijalankan oleh Limura dan Taku (2017)

terhadap 310 orang remaja di Jepun yang berusia antara 14 hingga 15 tahun turut menunjukkan keputusan yang sama iaitu tidak terdapat perbezaan tahap resilien antara lelaki dan perempuan. Namun demikian dapatan ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Hajar Mohamad Yusoff (2016) yang menggunakan sampel kajian seramai 376 orang pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di Sekolah Menengah Kebangsaan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan tahap resilien dengan pelajar perempuan lebih tinggi resilien berbanding pelajar lelaki. Hal tersebut mendedahkan murid lelaki kepada masalah disiplin dan tingkah laku. Dapatan kajian Siti Hajar (2016) turut selaras dengan dapatan Sarwar et. al., (2017) yang merekodkan tahap resilien murid lelaki adalah lebih rendah berbanding murid perempuan. Kajian dilakukan terhadap murid sekolah menengah di Pakistan untuk mengkaji hubungan antara resilien dan pencapaian akademik mereka.

Kesimpulan

Sebagaimana dapatan yang diperoleh daripada data kajian lapangan, dapat disimpulkan bahawa resilien akademik murid B40 berada dalam keadaan rendah, sangat rendah dan sederhana rendah.

Secara kesimpulannya kajian ini menunjukkan bahawa resilien murid dalam kalangan B40 berada ditahap rendah dan sangat rendah. Disebabkan itu, kemajuan mereka dalam akademik berada di peringkat yang sama akibat daripada keciciran dari sekolah dan tidak dapat mengeluarkan diri dan keluarga daripada kemiskinan. Dengan dapatan ini, diharapkan agar dapat membantu Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah serta Guru Bimbingan dan Kaunseling merancang dan menjalankan intervensi bagi membantu murid-murid ini membentuk jati diri dan membina ketahanan dalaman diri serta resilien mereka dengan lebih baik lagi. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi implikasi positif kepada pihak-pihak yang berkepentingan khususnya untuk meneruskan lebih banyak program-program yang menyumbang kepada peningkatan resilien akademik dalam kalangan murid B40. Memandangkan dapatan yang diperoleh menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara murid lelaki dan perempuan maka intervensi yang sama boleh dibina dan dilaksanakan oleh pihak sekolah terhadap kedua-dua jantina ini. Intervensi yang dirangka perlulah menarik dan kreatif bagi memenuhi peringkat remaja yang inginkan sesuatu yang baru dan segar. Aktiviti yang pelbagai dan menarik minat murid diharapkan dapat membina resilien dalam diri dan seterusnya dapat melonjakkan pencapaian akademik mereka serta dapat membantu keluarga meningkatkan ekonomi menerusi pekerjaan baru selepas alam persekolahan nanti.

Rujukan

- Abelev S., M. (2009). Advancing out of Poverty: Social Class Worldview and Its Relation to Resilience. *Journal of Adolescent Research*, 24(1), 114–141.
- Abukari, Z. (2018). “Not Giving Up”: Ghanaian Students’ Perspectives on Resilience, Risk, and Academic Achievement. *SAGE Open*, 8(4). <https://doi.org/10.1177/2158244018820378>
- Amalia Madihie. (2016). Resilient therapy as an expansion of counselling services in working with the vulnerable clients. *COUNS-EDU| The International Journal of Counseling and Education*, 1(1), 22. <https://doi.org/10.23916/22-28.0016.11-i2b>

- Benard, B. (2004). Resiliency: What we have learned. *European Journal of Educational Studies*, 2(3), 45-58.
- Brown, K. W., Ryan, R. M., & Creswell, J. D. (2007). Mindfulness: Theoretical foundations and evidence for its salutary effects. *Psychological Inquiry*, 18(4), 211–237.
- Chamcuri Siwar, S. Z. Z. & M. K. I. (2015). Kemiskinan dan Agihan Pendapatan di Malaysia : Status dan Kadar Kemiskinan Mengikut Etnik dan Strata serta Golongan Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40). Prosiding Persidangan Kebansaan Kecemerlangan Melayu II (Ekonomi Melayu), (December), 15–36.
- Cresswell, J. W. (2005). *Educational research*. Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Gail M. Wagnild, H. M. Y. (1993). Development and psychometric evaluation of the resilience scale. *Journal of Nursing Measurement*, 1(2), 165–175.
- Gennetian, L. A., Rodrigues, C., Hill, H. D., & Morris, P. A. (2018). Stability of income and school attendance among NYC students of low-income families. *Economics of Education Review*, 63(October 2017), 20–30. <https://doi.org/10.1016/j.econedurev.2018.01.003>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017a). *Anggaran Penduduk*, 2017.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017b). *Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas 2016*.
- Kuldas, S., Hashim, S., Ismail, H. N., & Samsudin, M. A. (2015). The need for an academic resilience approach to cognitive task performance of Malaysian students in secondary schools and higher education. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 23(3), 553–566.
- Kredcie, V. R., & Morgan. W. D., (1970). *Determining Sample Size For Research Activities, Educational and Psychological Measurement*, (30), Duluth: University Of Minnesota.
- Kumpfer, K.L. (2002), *Factors and Processes Contributing to Resilience*, Plenum Publishers, New York, NY.
- Limura, S & Taku, K. (2017). Gender Differences in Relationship Between Resilience and Big Five Personality Traits in Japanese Adolescents. *Psychological Report*, Vol 121, Issue 5, 920- 931.
- Marini Kasim. (2017). Pengaruh faktor pelindung dan kekuatan dalaman terhadap ketahanan diri dalam kalangan murid daripada ibu bapa bercerai. *Universiti Sains Malaysia*, 91, 399–404.
- Masten, A. S. (2014). Global Perspectives on Resilience in Children and Youth. *Child Development*, 85(1), 6–20. <https://doi.org/10.1111/cdev.12205>
- Masten, A. S., & Reed, M. G. J. (2002). Resilience in development. In Snyder, C. R., & Lopez, S. J. (Eds.), *Handbook of Positive Psychology* (pp. 74–88). Oxford: Oxford.
- Narayanan, A. (2015). Predictors of resilience among adolescents of low socio-economic status in India. *International Review of Psychiatry*, 27(3), 204–217.

<https://doi.org/10.3109/09540261.2015.1066763>

- Novak, V. M., Fernandez-Anez, N., & Shiraishi, K. (2017). Rethinking resilience planning: from problems to potential. *International Journal of Disaster Resilience in the Built Environment*, 8(4), 412–424. <https://doi.org/10.1108/IJDRBE-04-2015-0024>
- Perez-Brena, N. J., Sang, S., Kuo, S. I. C., Rodríguez De Jesús, S. A., Updegraff, K. A., Umaña-Taylor, A. J., & McHale, S. M. (2018). Patterns of Academic Risk and Resilience: Post-High School Educational Pathways in the Context of the 2007 Economic Recession. *Journal of Adolescent Research*. <https://doi.org/10.1177/0743558418810842>
- Rogers, M. L. (1992). *Local politics in rural Malaysia: Patterns of change in Sungai Raya*. Oxford: Western Press.
- Rosenbaum, J. E. (2001). *Beyond College for All*. New York, NY: Russell Sage Foundation.
- Richardson, G. E. (2002). The metatheory of resilience and resiliency. *Journal of Clinical Psychology*. <https://doi.org/10.1002/jclp.10020>
- Salami, S. O. (2010). Emotional Intelligence, Self-Efficacy, Psychological Well-being and Students' Attitudes: Implications For Quality Education. *European Journal Of Educational Studies*. <https://doi.org/10.18767/ejes.71026>
- Shong, T. S., Abu Bakar, S. H., & Islam, M. R. (2018). Poverty and delinquency: A qualitative study on selected juvenile offenders in Malaysia. *International Social Work*. <https://doi.org/10.1177/0020872818756172>
- Sarwar, M., Inamullah, H., Khan, N., & Anwar, N. (2010). Resilience and academic achievement of male and female secondary level students in Pakistan. *Journal of College Teaching and Learning*, 7(8), 19-23. Retrieved from <https://search-proquest-com.ezproxy.umt.edu.my/docview/748818893?accountid=45905>.
- Siti Hajar Mohamad Yusoff, Y. D. (2016). Kefungsian keluarga dan ketahanan diri pelajar sekolah menengah kebangsaan harian. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, 1(October)*, 131–138. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.589>
- Siti Masayu Rosliah Abdul, N. S. (2018). Kemiskinan Keluarga Dan Pengaruhnya Terhadap Tahap Pendidikan Rendah Masyarakat Luar Bandar: Kajian Kes Di Jajahan Bachok, Kelantan (Family Poverty and Its Influence on Rural Community Low Education: Case Study in Bachok District, Kelantan). *Journal of Social Science and Humanities*, 15(2), 11–23. Retrieved from <http://ejournals.ukm.my/ebangi/article/view/26796>
- Siti Masayu Rosliah Binti Abdul Rashid. (2008). Peluang dan cabaran pendidikan dalam kalangan masyarakat luar bandar: Satu kajian kes isi rumah melayu miskin di Jajahan Bachok, Kelantan. *Universiti Sains Malaysia*.
- Tohtayong, A. (2018). The effectiveness of Academic Resilience Module (ARM) in enhancing

academic resilience and academic achievement among student at risk in three southernmost provinces of Thailand. Thesis submitted in fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy.

UNDP. (2016). Malaysia Millennium Development Goals Report, 2015. United Nations Malaysia (Vol. 53). <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>